



PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE 129 BIL 3/2024

PEMBAYARAN TERUS PINJAMAN PENDIDIKAN BAGI PELAJAR TAJAAN PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera,
Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke-216 bil 23/2023 telah meluluskan kaedah pembayaran terus pinjaman pelajaran bagi pelajar tajaan PTPTN berkuatkuasa semester I Sesi Akademik 2023/2024.

Dengan pelaksanaan kaedah ini, pelajar tajaan PTPTN akan mendapat wang pembayaran penuh ke akaun Bank RHB masing-masing tanpa sebarang potongan yuran yang kebiasaannya pihak PTPTN akan kreditkan sebelum semester bermula.

Pelajar tajaan PTPTN adalah tertakluk kepada peraturan dan akan **DITANGGUHKAN PENGAJIAN** jika tidak melaksanakan pembayaran yuran kepada pihak Universiti dalam tempoh yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, mahasiswa/i yang mendapat pembiayaan PTPTN **PERLU membuat bayaran yuran kepada Jabatan Bendahari dalam tempoh yang ditetapkan** sepertimana Mahasiswa/i tanpa penaja. Diharapkan Mahasiswa/i mengambil perhatian dan membuat tindakan pembayaran yuran tersebut sepertimana sepatutnya. Sekian, Harap Maklum.

Dikeluarkan oleh :

**Unit Kebajikan, Pembiayaan dan Disiplin Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni**